

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

1. Jalan Taman Rupawan ke Kiosk Bertam kini menjadi laluan utama penduduk. Walaupun jalan tersebut dibina sebagai "Jalan Kampung", tetapi jumlah kenderaan semakin meningkat. ADUN Bertam telah membaikpulih jalan tersebut sebanyak lima (5) kali sepanjang tempoh dua (2) tahun.
 - (a) Adakah apa-apa perancangan untuk menaik taraf jalan tersebut?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDT SPU) mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Taman Rupawan kepada jalan dua (2) lorong dengan kos sebanyak RM89,387.50. Cadangan tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) di bawah peruntukan *Malaysia Road Record Information System (MARRIS)*.

Berdasarkan keputusan mesyuarat MARRIS yang telah diadakan pada 17 September 2020, JKNPP memerlukan laporan kerja ukur tanah sebelum meluluskan peruntukan. PDT SPU dalam proses menyediakan laporan tersebut untuk diangkat semula kepada JKNPP untuk tujuan kelulusan peruntukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

2. Masalah peniaga kecil/penjaja sering menjadi tajuk perbualan dalam kalangan penduduk. Penjaja kecil yang bermula di tepi jalan sering menjadi mangsa serbuan penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - (a) Adakah jalan penyelesaian yang lebih praktikal untuk memastikan penjaja kecil ini mendapat lesen bermiaga?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya mengambil berat ke atas nasib penjaja kecil yang bermiaga di tepi jalan untuk menyara hidup mereka dan keluarga. Namun begitu, bagi mengatasi isu keselamatan makanan dan kesesakan lalu lintas PBT terpaksa mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja tanpa lesen di tepi jalan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui PBT mengambil jalan penyelesaian bagi menangani isu penjaja-penjaja mendapatkan lesen bermiaga seperti berikut:
 - (i) Menyediakan garis panduan untuk mendapatkan lesen bermiaga yang boleh diakses melalui laman sesawang PBT;
 - (ii) Mengeluarkan lesen penjaja yang lulus temu duga terbuka bagi pengisian ruang niaga yang dijadualkan dua (2) kali sebulan;

- (iii) Meluluskan permit penjajaan secara sementara kepada peniaga / penjaja tepi jalari mengikut kesesuaian lokasi penjajaan dan tidak menimbulkan kacau ganggu; dan
- (iv) Mengeluarkan permit penjajaan untuk aktiviti perniagaan buah-buahan bermusim;

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui PBT juga menyediakan ruang dan lokasi-lokasi penempatan semula penjaja bagi peniaga / penjaja yang tidak berlesen / tanpa kebenaran seperti di kompleks penjaja yang dibina di kawasan perumahan baharu untuk peniaga menjalankan perniagaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

2. Bilakah padang untuk permainan boling padang yang terletak di dalam Kompleks Sukan MBSP di Bertam akan diperbaiki?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf lapangan boling padang di Kompleks Sukan Dan Rekreasi MBSP, Bertam, Kepala Batas, namun tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja tersebut. Ini kerana MBSP perlu memberi keutamaan kepada kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan keseluruhan Kompleks Sukan Dan Rekreasi MBSP yang sedia ada. Walau bagaimanapun, MBSP telah memohon peruntukan sebanyak RM1.5 juta untuk menaik taraf lapangan boling padang di Kompleks Sukan Dan Rekreasi MBSP, Bertam, Kepala Batas melalui RMK-11 dan RMK-12 kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS). MBSP juga telah membuat permohonan menaik taraf lapangan boling padang tersebut melalui YB Ahli Parlimen Kepala Batas selaku Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Sekiranya peruntukan diluluskan oleh pihak KBS, kerja-kerja menaik taraf dan pembaikan lapangan boling padang tersebut akan dilaksanakan dengan segera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

4. Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Bertam kini mempunyai Pegawai Penyelaras KADUN Bertam di bawah DUN Angkat dan juga mempunyai Pegawai Penyelaras Ketua Menteri Pulau Pinang.
 - (a) Adakah ini merupakan jalan penyelesaian terbaik untuk selesaikan masalah atau ianya hanya menghabiskan wang rakyat?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. Sebagai makluman, Pengawai Penyelaras Ketua Menteri adalah bertanggungjawab terhadap keseluruhan Parlimen Kepala Batas dan bukan hanya tertumpu kepada Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam semata-mata.

Umumnya, peranan yang dipertanggungjawabkan kepada kedua-dua pegawai berkenaan adalah untuk merancakkan lagi penyebaran maklumat berhubung polisi-polisi Kerajaan Negeri khususnya program-program kebijakan bagi kepentingan komuniti setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

5. Adakah pihak Kerajaan Tempatan khususnya MBSP memantau penggunaan tong-tong sampah di lokasi yang diletakkan tong sampah? Aduan orang ramai berkenaan ketidakcukupan jumlah tong yang disediakan menyebabkan sampah terbiar di luar tong sampah sebagai contoh di Kampung Permatang Pak Maras.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menjalankan pemantauan secara berkala di keseluruhan tapak tong sampah komunal dan kutipan sampah dijalankan setiap hari di lokasi tersebut.

MBSP mengambil maklum isu pembuangan sampah di luar tong sampah di Kampung Permatang Pak Maras dan telah menyediakan dua (2) tong MGB 660L di lokasi berkenaan. Jumlah tong yang disediakan adalah mencukupi untuk kegunaan penduduk sekitar yang dianggarkan sebanyak 115 buah rumah. Oleh itu, ketika ini MBSP tidak bercadang untuk membuat penambahan tong di lokasi Kampung Permatang Pak Maras, seiring dengan matlamat MBSP untuk mengurangkan penjanaan sampah menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan akan dijalankan jika keperluan penambahan lokasi tong sampah yang baru perlu diwujudkan di sepanjang Jalan Penaga.

Tindakan yang diambil oleh MBSP bagi mengatasi isu sampah terbiar di luar tong sampah adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan pembersihan sekeliling tapak tong sampah setiap hari;
- (ii) Membuat intipan secara berkala bagi lokasi-lokasi tong sampah yang dikenal pasti menjadi tempat pembuangan sisa bukan domestik; dan
- (iii) Meningkatkan kadar kutipan kepada dua (2) kali sehari bagi lokasi yang berkapasiti tinggi penjanaan sampah yang dihasilkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

6. Bilakah pihak Kerajaan Negeri khususnya EXCO Belia dan Sukan akan mengambil tindakan untuk memasang lampu limpah di Stadium Bola Sepak MBSP?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Permohonan peruntukan berjumlah RM1.5 juta untuk pemasangan lampu limpah di padang bola sepak, Kompleks Sukan dan Rekreasi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Bertam telah dimasukkan dalam senarai permohonan Projek Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11), *Rolling Plan* Ke 4 (RP4) dan Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK 12). MBSP juga telah mengemukakan permohonan melalui surat kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Kepala Batas merangkap Menteri Belia Dan Sukan pada 19 Julai 2019 dan 2 Julai 2020.

Berikutan itu, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Belia Dan Sukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

7. Dalam keadaan negara yang sedang melawan COVID-19, apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga-peniaga yang terkesan dari wabak ini khususnya yang menggunakan khidmat pekerja asing? Sebagai contoh, kedai Tomyam di mana pekerja mereka terdiri daripada pekerja negara Thailand.

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga-peniaga yang terkesan dari Wabak COVID-19 adalah seperti berikut:
 - (a) Memberi pengecualian penyewaan kepada penyewa / usahawan makanan dan minuman di Kompleks Gerai Bukit Tengah di bawah seliaan PDC untuk bulan April, Mei dan Jun 2020 di bawah program Bantuan Rakyat Pulau Pinang. PDC pada dasarnya meneruskan pemberian pengecualian penyewaan pada bulan Julai, Ogos dan September 2020 dan akan membuat penilaian keadaan perniagaan penyewa/usahawan sama ada akan diteruskan pengecualian dari bulan ke bulan sehingga Disember 2020;
 - (b) Menyalurkan bantuan *one-off* RM500.00 kepada penjaja dan peniaga kecil di Pulau Pinang seperti berikut:
 - (i) 14,012 peniaga dan penjaja berlesen;
 - (ii) 3,103 penjaja/penggerai yang bermiaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (*shop/lot*); dan

- (iii) 5,666 penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (c) Menawarkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (Skim Peka PKS) pada April 2020. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM30 juta sebagai dana dalam Skim Peka PKS dan bantuan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan usahawan IKS sektor pembuatan. Pemohon yang layak boleh mendapat pinjaman sehingga RM50,000.00 manakala usahawan PKS dalam sektor lain juga boleh mendapat bantuan pinjaman sehingga RM20,000.00. Skim Peka PKS ini bukan sahaja merupakan pinjaman tanpa faedah, malah, peminjam juga tidak perlu membuat sebarang pembayaran balik bagi tempoh enam bulan pertama. Pembayaran balik bulanan cuma akan bermula pada bulan ketujuh sehingga bulan ke-30;
- (d) Meluluskan pengecualian bayaran sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Bantuan Rakyat Pulau Pinang Fasa 1.0 dan 2.0 bagi tempoh empat (4) bulan termasuk pasar-pasar awam, lot-lot kedai dan sebagainya.
- (e) Memberi penangguhan pembayaran pinjaman Skim Pinjaman Harapan (SPH) selama 3 bulan bermula April hingga Jun 2020 kepada peminjam SPH bagi membantu meringankan beban usahawan akibat penutupan perniagaan mereka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melibatkan peruntukan sebanyak RM654,152.75;
- (f) Menjalankan program kerjasama antara Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI) dan Food Panda, sebuah syarikat penghantaran makanan secara digital/atas talian melalui program Ramadhan E-Bazaar dan Penang Food4U. Program ini bertujuan membantu para peniaga makanan mempromosikan perniagaan mereka melalui platform digital Food Panda. Hasil rundingan dengan pihak Food Panda, para peniaga yang mendaftarkan diri dalam program anjuran PHI ini akan menikmati diskaun caj.
- (g) Memulakan inisiatif e-dagang (*E-commerce*) Penang E-Mall melalui kerjasama dengan Shopee platform e-dagang

terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM500,000.00 untuk platform ini menyediakan peluang kepada para usahawan Pulau Pinang untuk memasarkan produk jualan mereka secara atas talian. Sehingga September 2020, sebanyak 5466 peniaga Pulau Pinang telah berdaftar di bawah Penang E-Mall ini dan anggaran hasil jualan yang telah dijana melalui baucar diskauan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam *platform* Penang E-Mall ini adalah sebanyak RM1.15 juta ringgit. Peruntukan yang dilepaskan setakat ini berjumlah RM 145,000.00.

- h) Latihan kepada peniaga yang ingin memasarkan produk secara *online* juga disediakan dengan tenaga pengajar dari Shopee. Sehingga kini, 160 peniaga telah menerima latihan pemasaran oleh Shopee dengan bantuan PII yang menjadi sekretariat pelaksanaan program ini.
- (i) Bekerjasama dengan NCIA bagi pelaksanaan Program PENJANANCER Jom Niaga iaitu program *fast track* yang bertujuan untuk menyediakan peluang menjana pendapatan melalui keusahawanan bagi golongan sasaran dalam tempoh 3 bulan selepas menjalani latihan kemahiran, atau penempatan pekerjaan di dalam Industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) atau IKS.

Bagi perniagaan yang menggunakan khidmat pekerja asing, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk membekukan pengambilan pekerja asing dalam sektor-sektor berkaitan termasuk sektor pembuatan sehingga akhir tahun 2020. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menangguhkan kemasukan pekerja asing dari semua negara sumber sehingga ke suatu tarikh yang bersesuaian tertakluk kepada nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

Antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga menggaji pekerja tempatan adalah seperti berikut:

- (a) Menganjurkan program *Career Exploration Week: My Penang, My Workplace* yang berlangsung secara virtual pada 26 September hingga 2 Oktober 2020 bagi membantu pencari kerja terutamanya yang

terjejas dengan keadaan semasa pandemik COVID-19;

- (b) Penyediaan khidmat fasilitasi untuk pemandanan pekerjaan (*job matching*) melalui Penang Career Assistance and Training Centre (Pusat CAT). Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT untuk membantu pencari kerja dengan menjalankan pemandanan jawatan bersetujuan apabila menerima permintaan dari peniaga/majikan; dan
- (c) Kerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh PERKESO (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

8. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memulihara Bandar Kepala Batas yang boleh dikategorikan sebagai Bandar Warisan? Bandar lama ini mempunyai sejarah yang berkait rapat dengan kemerdekaan negara kita.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengenal pasti sebanyak 81 buah bangunan di kawasan Bandar Kepala Batas yang dikategorikan sebagai bangunan warisan dan kini dalam proses untuk mewartakan bangunan-bangunan tersebut. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan menjadikan Bandar Kepala Batas sebagai Bandar Warisan memandangkan Bandar Kepala Batas mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pembangunan perumahan dan komersil.